

Mahasiswa Putra menang di UPM

Oleh ADLAN JAAFAR

adlan.jaafar@kosmo.com.my

SERDANG - Kumpulan proaspirasi yang dikenali sebagai Mahasiswa Putra (MP) menang dengan majoriti mudah pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan memenangi 29 daripada 45 kerusi Pilihan Raya Kampus (PRK) bagi sesi 2013/2014 semalam.

Seramai 10 calon MP daripada Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Sains Pertanian dan Makanan (Kampus Bintulu), Bahasa Moden dan Komunikasi serta Sekolah Pengajian Siswazah menang tanpa bertanding.



PILIHAN RAYA
KAMPUS
2013/2014



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Calon MP menang di enam kawasan umum dan 22 kawasan fakulti termasuk 10 kerusi menang tanpa bertanding. Kumpulan promahasiswa pula menang 12 kerusi manakala Bebas memenangi empat kerusi.

Keputusan diumumkan oleh Ketua Proses Penjumlahan Undi, Profesor Madya Abdul Rashid Jamian di Dewan Putra 1, Kolej Ke-13 UPM.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Profesor Dr. Mohammad Shatar Sa-

bran (**gambar kecil**) berkata, seramai 26,990 pelajar daripada kedua-dua kampus layak mengundi pada PRK kali ini dengan 82.88 peratus keluar mengundi berbanding 80.37 peratus tahun lalu.

"Peratusan pengundian yang tinggi menunjukkan pelajar sudah matang dan prihatin dalam memilih pemimpin yang mereka mahukan," katanya.

Jelasnya, biarpun bilangan pelajar keluar mengundi pada awal pagi hanya sekitar 20 peratus kerana ramai yang mempunyai kuliah, pihak universiti telah menjalankan beberapa inisiatif supaya peratusannya meningkat.

Antaranya, menyediakan enam pusat membuang undi secara elektronik termasuk satu di Kampus Bintulu yang kedudukannya berdekatan dengan kolej kediaman selain memberikan pelepasan kuliah antara



SEBAHAGIAN daripada pelajar membuang undi pada Pilihan Raya Kampus UPM bagi sesi 2013/2014 di Serdang semalam.

pukul 2 petang hingga 5 petang.

"Jadi, pelajar mempunyai masa dua hingga tiga jam untuk keluar mengundi," katanya.

Sebanyak 45 tempat MPP dipertandingkan dengan 11 bagi kawasan umum dan 34 fakulti dengan 92 calon bertanding.